

# Jangan pecah Umno kali kedua

BH 21 OCT 1988

**KUALA TERENGGANU, Khamis** — Orang Melayu jangan sekali-kali berniat untuk menghancurkan Umno bagi kali kedua apabila mereka menyertai parti itu, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, Umno adalah pertubuhan semua orang Melayu dan ia adalah pertubuhan yang amat penting bagi pembangunan, kestabilan dan keamanan negara ini.

Beliau berkata, masa depan orang Melayu bergantung kepada pertubuhan yang kuat seperti Umno dan kerana itu mereka perlu menyokong sepenuhnya perjuangan Umno.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, mereka yang ingin menyertai Umno perlu melafaz ikrar dalam hati untuk membawa kebaikan kepada parti, katanya ketika berucap di pelancaran Setia Bersama Rakyat (Semarak) di Kelulut, Marang, dekat sini petang ini.

Lebih 30,000 orang membanjiri Kampung Kelulut, sebuah perkampungan nelayan yang sepi sebelum ini.

Presiden Umno itu berkata,

pihaknya tidak berniat untuk menggunakan kuasa Umno untuk menganiayai sesiapa.

"Sebenarnya jika kita mempunyai niat jahat, sudah lama orang-orang lain akan merasai akibat daripadanya," tegas Datuk Seri Dr Mahathir.

Beliau berkata, sesiapa juga termasuk bekas penyokong ahli Umno mempunyai hak menyertai parti itu asalkan kemasukan mereka dalam parti tidak bertujuan menghancurkan parti.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, sementara kerajaan membangunkan negara, ada di kalangan rakyat negara ini menyebarkan berita palsu untuk memecahbelahkan rakyat. Ia menimbulkan emosi yang tidak sihat.

Golongan itu mendakwa kononnya negara kita tidak stabil, rusuhan akan berlaku dan kerajaan lemah.

Perdana Menteri menegaskan, sekiranya seseorang itu mempunyai niat patriotik, mereka tetap memuji negara sendiri walaupun negara kita menghadapi masalah yang buruk.